

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Gooi Hsiao Leung [Alor Setar]

TARIKH : 25 Oktober 2017 (RABU)

SOALAN : (Tuan Gooi Hsiao Leung) minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan:-

Sama ada Kerajaan akan menetapkan harga siling untuk benih padi yang dijual kepada pesawah padi yang kini dipaksa membeli benih padi daripada pembekal yang sedang menaikkan harga tanpa kawalan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian telah melantik sembilan (9) pengeluar untuk membekalkan Benih Padi Sah bagi tempoh tiga tahun iaitu bermula tahun 2017 hingga 2019. Untuk makluman Yang Dipertua, harga jualan Benih Padi Sah pada ketika ini telah ditetapkan pada kadar RM28.00 per beg di pintu kilang. Manakala kos pengangkutan dari kilang ke sawah perlu ditanggung oleh pesawah sendiri.

Walau bagaimanapun, mengambilkira akan keadaan semasa yang berlaku pada masa ini di mana orang tengah (agen) mengambil kesempatan dengan menetapkan margin keuntungan yang tinggi, maka cadangan harga siling benih akan diteliti oleh kerajaan.